



DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
(KOTA KINABALU CITY HALL)
No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah,
Malaysia
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175

KENYATAAN SEBUT HARGA

NO. SEBUTHARGA : DBKK/JL/N/S/250/2026
TAJUK : NAIK TARAF LANDSKAP MEDIAN JALAN JALAN TUGU

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA), Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang berdaftar di daerah **Kota Kinabalu** bagi kelayakan berikut:

PUKONSA
Kelas F
Kepala I
Sub Kepala 1
dan **CIDB PPK G1**

2. Borang Sebut harga berserta butir-butir lanjut boleh diperolehi di Jabatan Perolehan DBKK, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Dokumen Sebut harga akan mula dijual pada **22 JULAI 2026** dan ditutup pada **29 JULAI 2026** Dokumen Sebut Harga tidak akan dijual selepas tarikh tersebut.

3. Dokumen sebut harga ini boleh didapati dengan harga **RM50.00** senaskah (tidak dikembalikan) dan resit pembayaran hendaklah dikepulkan bersama-sama dengan dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi.

4. Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor atau wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Lesen Perniagaan dan Sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran serta Surat Wakil Syarikat dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli Dokumen Sebut harga.

5. Semua Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama salinan sijil PUKONSA, CIDB dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sudut kiri sampul yang tersebut dan dialamatkan kepada **Pengerusi Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga DBKK, No. 1 Jalan Bandaran, 88675 KOTA KINABALU.**

6. Sebut Harga mestilah sampai dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di **Peti Sebut Harga, Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu** tidak lewat dari **10:00 pagi** pada tarikh tutup yang tersebut di atas.

Pengarah
Jabatan Perolehan
b.p MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU